

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan kuasa **SUHAKAM** untuk menjalankan pendakwaan terhadap kes yang berkaitan dengan pencabulan hak asasi manusia di Malaysia.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

1. Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa budi bicara Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera.

2. Seterusnya, Subseksyen 376(1) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa kuasa kawalan dan arahan dalam semua pendakwaan jenayah dan prosiding di bawah Kanun Tatacara Jenayah diberikan kepada Peguam Negara selaku Pendakwa Raya. Fungsi dan kuasa Peguam Negara di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan adalah selaras dengan sistem demokrasi dan doktrin pengasingan kuasa yang diamalkan di Malaysia.

3. Pada masa ini, tiada perancangan untuk menambahkan kuasa SUHAKAM bagi menjalankan pendakwaan terhadap kes yang berkaitan dengan pencabulan hak asasi manusia di Malaysia.

Sekian, terima kasih.